

**SEMPENA HARI INOVASI DAN KECEMERLANGAN JABATAN PERDANA MENTERI
TAHUN 2014
29/10/2014**

MAEPS, SERDANG

Terima kasih kepada Pengacara Majlis,

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Yang Berhormat Menteri-Menteri di Jabatan Perdana Menteri,

YBhg Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa,
Ketua Setiausaha Negara,

YBhg Datuk Othman bin Haji Mahmood,
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri;

YBhg Tan Sri, Dato' Seri, Datuk-Datuk, Datin-Datin,

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian,
Ketua-ketua Pengarah Jabatan dan Agensi di bawah JPM,

Yang dihormati dan diraikan Penerima-Penerima Anugerah Inovasi dan Kecemerlangan JPM bagi tahun 2014; dan

Saudara-Saudari, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

1. Alhamdulillah, saya merafakkan kesyukuran kepada Ilahi kerana diberi peluang sekali lagi untuk berkumpul dengan hadirin sekalian bagi menjayakan sambutan Hari Inovasi dan Kecemerlangan JPM bagi tahun 2014.
2. Syabas juga saya ucapkan kepada semua pihak yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan sambutan Hari Inovasi dan Kecemerlangan JPM bagi tahun 2014. Sesungguhnya majlis pada hari ini tidak mungkin akan berjalan dengan lancar tanpa komitmen bersepadu daripada hadirin sekalian.
3. Saya difahamkan bahawa penganjuran majlis pada hari ini melibatkan kolaborasi 41 jabatan/agensi di JPM dan menggabungkan dua majlis dalam satu. Ini merupakan pendekatan penganjuran yang strategik dan menepati dasar penjimatan yang sedang

diamalkan oleh Kerajaan. Ucapan tahniah juga ingin saya sampaikan kepada semua pemenang yang bakal menerima anugerah inovasi dan kecemerlangan pada hari ini.

MENYEMARAK INOVASI, MEREALISASI TRANSFORMASI

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Mengambil kira tema Sambutan Hari Inovasi dan Majlis Kecemerlangan JPM pada tahun ini iaitu “Menyemarak Inovasi, Merealisisasi Transformasi” saya yakin ianya bukan suatu agenda yang baru disebut-sebut di bibir warga perkhidmatan awam di Malaysia. Inovasi sering ditekankan dalam semua aspek dan agenda pembangunan negara terutama dalam misi transformasi negara ke arah mencapai wawasan negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

5. Umum mengetahui bahawa Kerajaan kini sedang giat memperluaskan program transformasi sama ada di sektor awam mahupun swasta dalam usaha untuk mensejahterakan rakyat di negara ini. Bersesuaian dengan konsep 1Malaysia ‘Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan’, fokus utama pembangunan negara bukan sahaja terhadap bidang keberhasilan negara dan kesejahteraan ekonomi, tetapi juga memberi tumpuan kepada kesejahteraan rakyat secara holistik.

6. Justeru, dalam konteks perkhidmatan awam, pemberian perkhidmatan terbaik atau exceptional service delivery kepada pelanggan iaitu rakyat, merupakan fokus utama dalam inisiatif transformasi yang cuba digarapkan dan ditanam dalam pelaksanaan tugas seharian semua penjawat awam.

7. Sejarah telah membuktikan bahawa penghasilan inovasi yang besar telah merubah landskap kehidupan masyarakat dunia. Dengan penghasilan produk inovasi yang signifikan, hidup masyarakat dipermudah, skop aktiviti diperluas dan interaksi sesama manusia menjadi lebih berkesan. Sehubungan itu, inovasi yang telah dibudayakan dalam perkhidmatan awam perlu terus diperkasa bagi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan secara tuntas.

8. Setiap warga penjawat awam dari pelbagai lapisan perlu sentiasa mencabar status quo dan menyanggah pendekatan konvensional melalui keberanian menampilkan idea unik di luar kotak. Dalam hal ini, peranan Ketua-ketua Jabatan amatlah penting bagi menyediakan ruang dan peluang kepada warga organisasinya untuk melebarkan horizon pemikiran dan menampilkan inovasi yang bitara dalam pendekatan sedia ada dalam menyampaikan perkhidmatan.

9. Ketua-ketua Jabatan hendaklah lebih kreatif dalam menyediakan pelbagai platform untuk

menjana dan menggalakkan percambahan idea baru yang sesuai dengan semua lapisan penjawat awam supaya mereka sendiri secara sukarelanya merasa terpacu untuk mengusahakan sesuatu pembaharuan yang dapat memudahkan tugas mereka.

10. Penjawat awam bukan sahaja perlu berfikir di luar kotak, tetapi juga bertindak di luar kotak bagi menzahirkan idea yang kreatif melalui tindakan yang inovatif. Dalam hal ini, antara pendekatan yang boleh diusahakan oleh Ketua-ketua Jabatan ialah:

- mengadakan sesi percambahan idea dalam kumpulan yang kecil di kalangan rakan sejawat;
- menyediakan peluang kepada warga organisasi untuk menyertai latihan yang relevan bagi mempertingkatkan kemahiran; dan
- memberi insentif dan pengiktirafan dalam bentuk ganjaran kewangan atau bukan kewangan, kepada warga organisasi yang telah berjaya mencetus perubahan positif dalam organisasi.

11. Dengan ini, ekosistem inovasi yang positif dapat diwujudkan dengan lebih berkesan di tempat kerja. Pembudayaan inovasi ini sudah tentu akan bergerak seiring dengan budaya kecemerlangan perkhidmatan yang telah dicanangkan sejak sekian lama.

INOVASI SOSIAL DAN COLLABORATIVE INNOVATION

Para hadirin yang dihormati sekalian,

12. Saya suka menyentuh konsep yang ditekankan oleh YAB Perdana Menteri berhubung pendekatan inovasi sosial dan collaborative innovation. Memetik penjelasan beliau semasa Majlis Anugerah Inovasi Perdana Menteri pada September lalu, inovasi sosial berbeza dengan inovasi dalam bentuk lain seperti penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk menghasilkan produk baru, namun peranannya cukup besar khususnya kepada rakyat.

13. Terdapat dua pendekatan yang digunakan untuk konsep inovasi sosial. Pendekatan pertama ialah penciptaan idea-idea baharu yang perlu dibahaskan, diuji kaji, diciptakan prototaip dan dijalankan projek perintis tanpa perlu takut kepada percubaan berulang atau kegagalan bagi mendapatkan hasil terbaik. Bagi tujuan ini, innovation lab boleh diwujudkan di setiap Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan sebagai ruang untuk mencuba sesuatu idea baharu sebelum dilaksanakan sepenuhnya.

14. Dalam hal ini, Unit Inovasi yang telah diwujudkan di setiap Kementerian/ Jabatan/Agensi akan mengambil peranan untuk memikul tanggungjawab ini. Pendekatan kedua pula ialah memperluas saluran dan akses rakyat sebagai pengguna perkhidmatan untuk menyatakan kehendak serta jangkaan mereka terhadap penyampaian perkhidmatan awam.

15. Collaborative innovation pula melihat kepada penglibatan sesama agensi awam dengan pihak swasta serta NGO dalam mewujudkan suasana penyampaian perkhidmatan yang bersepadu dan berkesan sepertimana contoh terbaik yang dapat ditunjukkan melalui pewujudan Pusat Transformasi Bandar atau Urban Transformation Center (UTC).

16. Kerajaan berharap agar lebih banyak lagi produk inovasi seumpamanya dapat direalisasikan demi menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat. Konsep menghubungkan jaringan kerjasama antara pelbagai agensi, sama ada agensi awam mahupun swasta, di bawah satu bumbung perkhidmatan merupakan inisiatif inovasi yang sangat digalakkan.

17. Dalam kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Jabatan Perdana Menteri atas inisiatif mengguna pakai konsep Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau National Blue Ocean Strategy dalam menyampaikan perkhidmatan yang berimpak tinggi tetapi berkos rendah dan menjimatkan masa.

18. Saya menyeru agar konsep NBOS ini dapat dihayati dengan lebih meluas dalam merealisasikan objektif dan hala tuju Jabatan dan Agensi masing-masing. Hal ini selari dengan rancangan Kerajaan di bawah Bajet 2015 yang dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini, untuk memperkasa dan menyebarkan luas Strategi Lautan Biru Kebangsaan yang telah menunjukkan keberkesanan pelaksanaan projek dan program Kerajaan dalam menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

19. Seperti hadirin sekalian sedia maklum, sebanyak RM356 juta akan disediakan bagi tahun 2015, antaranya untuk membuka 4 buah lagi UTC di Terengganu, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis serta 1 mini UTC di Kedah, dan inisiatif-inisiatif lain bagi manfaat sektor awam mahupun swasta.

BUDAYA KECEMERLANGAN MENYELURUH

Para hadirin yang dihormati sekalian,

20. Antara aset utama yang menentukan kejayaan sesebuah negara adalah keupayaan modal insan, dalam konteks ini penjawat awam merupakan nadi utama, dan berperanan sebagai tiang seri negara. Oleh itu, penjawat awam hendaklah mempunyai global mindset dalam melaksanakan tugas dengan berkesan tetapi pada masa yang sama tidak melupakan asas jati diri serta asas nilai, budaya dan moral yang jitu.

21. Dalam pada itu juga, perlu diingatkan bahawa all work and no play makes Jack a dull boy. Kata-kata itu menuntut hadirin sekalian untuk bergiat sama dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan, sosial dan sukan agar keseimbangan kerja dan penglibatan sosial dapat

dicapai. Biarlah kita menjadi individu atau organisasi yang versatile apatah lagi kita berada dalam era global ini yang hyper connected, multidirectional dan interdependant.

22. Kita telah semakin hampir dengan penghujung tahun 2014. Eloklah kita bersama-sama bermuhasabah dan mengimbas kembali segala pencapaian sepanjang tahun 2014 supaya kita dapat memperbaiki segala kelemahan dan kekurangan yang ada untuk melangkah ke satu tahap yang lebih baik pada tahun-tahun mendatang.

23. Saya percaya, dengan pelbagai inisiatif dan program transformasi yang telah giat kita anjurkan, usaha murni kita untuk mencapai kegemilangan misi nasional akan diberkati, Insha Allah. Saya mengharapkan melalui program seperti Hari Inovasi dan Kecemerlangan ini, warga JPM bersama-sama merintis jalan untuk menjadi sebuah organisasi contoh kepada kementerian serta badan kerajaan yang lain.

24. Sebelum mengakhiri ucapan ini, tahniah sekali lagi saya ucapkan kepada Jabatan Perdana Menteri dan agensi dibawahnya di atas kejayaan demi kejayaan yang telah dirangkul sepanjang tahun ini dalam semua bidang kepakaran masing-masing. Saya turut mengucapkan setinggi tahniah dan syabas kepada semua penerima-penerima Anugerah Inovasi dan Kecemerlangan JPM bagi tahun 2014.

25. Saya berharap agar kejayaan dan kecemerlangan ini menjadi sumber motivasi dan pencetus semangat kepada semua untuk terus berusaha dengan lebih gigih dalam usaha memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

26. Sehubungan ini, dengan lafaz yang mulia Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Hari Inovasi dan Kecemerlangan JPM Tahun 2014.

Sekian, Wabillahitaufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.